



06 JUN, 2025

Malaysia dijangka kekal medan pelaburan minyak dan gas

Berita Harian, Malaysia



Malaysia dijangka kekal medan pelaburan minyak dan gas

Malaysia dijangka kekal sebagai medan utama untuk pelaburan dalam sektor minyak dan gas, terutama dalam aktiviti hulu, nyahkarbon dan projek peralihan tenaga, kata BMI Country Risk and Industry Research (BMI).

Firma Fitch Solutions Group melalui satu kenyataan menjangkakan bahawa sektor hulu di Asia akan kekal teguh, memacu pertumbuhan perbelanjaan modal untuk aktiviti penerokaan dan pengeluaran.

“Walaupun persekitaran harga minyak dan gas adalah lebih rendah, majoriti perbelanjaan modal akan terus memberi tumpuan kepada penerokaan dan pengeluaran hulu,” katanya.

Menurut BMI, Petronas Cari-gali Sdn Bhd dijangka mengekalkan perbelanjaan modal yang

stabil iaitu lebih kurang RM50 bilion untuk 2025 berdasarkan keperluan pelaburan ke atas beberapa projek medan minyak pasca gerusi dan baharu sepanjang 2025 hingga 2027.

Dalam segmen hulu, PETRONAS merancang untuk meningkatkan penggerudian telaga, menaikkan jumlah telaga dari 56 pada 2024 kepada 73 telaga menjelang 2025.

“Pada 2024, PETRONAS menandatangani 14 kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) dengan syarikat-syarikat tempatan dan asing selain memegang kepentingan ekuiti dalam PSC tertentu,” katanya.

BMI berpendapat bahawa keperluan modal untuk projek luar negara dijangka bertambah sejak syarikat itu memperoleh blok



PETRONAS rancang untuk meningkatkan penggerudian telaga.

minyak dan gas baharu untuk diterokai di Suriname pada 2024.

“PETRONAS telah memeterai perjanjian untuk aset hulu-

an di Angola, Indonesia, Brazil, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Oman,” katanya.

Pada Ogos 2024, PETRONAS,

Abu Dhabi National Oil Company dan Storegga yang berpangkalan di UK telah memeterai perjanjian kajian serta pembangunan bersama bagi meneroka pembinaan penangkapan dan penyimpanan karbon di Lembangan Penyau, Semenanjung Malaysia.

Perjanjian itu merangkumi pelaburan untuk menyimpan lima juta tan karbon dioksida (CO₂) setahun menjelang 2030 termasuk penghantaran dan logistik CO₂.

“Dalam jangka panjang, PETRONAS perlu memperuntukkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi untuk pembangunan projek gas asli cecair Masela di Indonesia, yang mana Petronas memegang kepentingan ekuiti sebanyak 15 peratus,” kata BMI.

BERNAMA